



**19 Julai 2021**

**Kenyataan Media**

**PROGRAM SELVAX INDUSTRI BAGI PELAN VAKSINASI LEMBAH KELANG  
“OPERATION SURGE CAPACITY”**

Program Vaksin Selangor (SelVAX) Industri telah memasuki fasa seterusnya di mana stok vaksin sebanyak 250,000 dos bakal diterima menurut Pelan Vaksinasi Lembah Kelang “Operation Surge Capacity” yang telah diumumkan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor dan YB Khairy Jamaluddin, Menteri Penyelaras Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Pembekalan stok vaksin ini dijangka diterima secara berperingkat di antara 23 Julai 2021 dan 30 Julai 2021. Stok vaksin bagi dos pertama dan dos kedua fasa awalan pada ketika ini berjumlah lebih kurang 40,000 dos. Sekiranya pembekalan stok vaksin seterusnya menurut jadual yang telah dipohon, pelaksanaan Program SelVAX Industri dapat dirancakkan dan dilaksanakan secara lebih konsisten.

Kami mengalu-alukan syarikat/industri di Selangor dan Lembah Kelang untuk mendaftar minat dan seterusnya memvaksinasi pekerja mereka bagi mencapai hasrat Pelan Vaksinasi Lembah Kelang.

Untuk makluman, SelVAX Industri menyediakan 5 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di lokasi yang sesuai di mana pemberian vaksinasi boleh dilakukan dengan cepat dan dalam keadaan yang selesa iaitu di Tropicana Gardens Mall, Kota Damansara; Evo Mall, Bandar Baru Bangi; Hotel De Palma, Shah Alam; Aurora Place, Bukit Jalil; Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya dan Panel Klinik SELCARE.

Sila layari laman web <https://vax.selangkah.my> atau hubungi talian 1-800-22- 6600 untuk maklumat lanjut.

Bagi pihak Jawatankuasa SelVAX Industri;

**YB DATO' TENG CHANG KHIM**

Exco Industri dan Perdagangan

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL**

Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor